

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(A)63

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

63. Sila berikan kewajaran meneruskan tambakan laut Bagan Ajam sedangkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ingin melaksanakan Kempen Hijau serta DAP bantah projek Johor dan Melaka.
- (a) Sila huraikan kaedah mitigasi bagi tambakan laut Bagan Ajam.

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

63. Kerajaan Negeri dan Rayston Consortium (Butterworth) Sdn. Bhd. (RCSB) telah menandatangani Perjanjian *Land Reclamation And Resettlement Agreement* pada 16 Jun 1999. Perjanjian ini ditandatangani susulan daripada perjanjian asal dan perjanjian konsesi yang telah ditandatangani antara Kerajaan Persekutuan dan Lingkaran Luar Butterworth (Penang) Sdn. Bhd. bagi pembinaan, pengoperasian, pengurusan dan penyelenggaraan *Butterworth Outer Ring Road* (BORR). Adalah syarat Kerajaan Persekutuan supaya kerajaan negeri menandatangani perjanjian berasingan bagi

penempatan semula penghuni kuarters kerajaan dan setinggan yang terlibat dalam projek BORR tersebut.

Berdasarkan perjanjian tersebut, RCSB diberi hak untuk menebusguna tanah seluas 650 hektar dengan perincian seperti berikut:

- (i) 407 hektar untuk pembangunan bercampur (100.31 hektar diserahkan kepada kerajaan negeri / 306.69 hektar untuk pembangunan RCSB); dan
- (ii) 243 hektar untuk cadangan pengembangan North Butterworth Container Terminal (NBCT) iaitu bagi tujuan pelabuhan dan aktiviti berkaitan pelabuhan.

Sehubungan dengan itu, projek tambakan laut Bagan Ajam ini wajar diteruskan oleh Kerajaan Negeri kerana projek berkenaan dapat meningkatkan taraf hidup penduduk setempat dari segi penyediaan peluang-peluang pekerjaan, sosio ekonomi, taraf kesihatan yang baik, kehidupan lebih kondusif seiring dengan pembangunan serta menjamin keselamatan dan sosial masyarakat.

- (a) Merujuk kepada kaedah mitigasi yang dijelaskan di dalam Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) bagi projek tambakan laut di Bagan Ajam, terdapat beberapa kaedah mitigasi yang melibatkan kesan terhadap alam sekitar antaranya, air laut, ekologi laut, kualiti udara, bunyi bising, pengurusan sisa, aspek sosial dan kesan *Project Abandonment*.

Berdasarkan Laporan EIA yang dikemukakan oleh Jururunding Chemsain Konsultant Sdn. Bhd. kepada Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar (JAS), antara kaedah mitigasi bagi projek tebus guna tanah seluas 407 hektar dari Bagan Ajam hingga Teluk Air Tawar di Seberang Perai Utara, Pulau Pinang yang dicadangkan adalah seperti di **Lampiran A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

Berdasarkan maklum balas tambahan daripada JAS, Laporan EIA ini masih dalam perhatian Ibu Pejabat JAS di Putrajaya dan kelulusan masih belum diperoleh.

LAMPIRAN A

BIL.	PERKARA	IMPAK	CADANGAN LANGKAH MITIGASI
1.	Kualiti Air Laut	<p>(i) Kemungkinan <i>sedimenplume</i> semasa aktiviti penambakan adalah tidak signifikan; corak <i>sedimenplume</i> tidak berubah dengan ketara di antara tiga monsun;</p> <p>(ii) secara amnya penyebaran <i>sedimen</i> adalah minimum. Ia tidak akan menyebabkan penyebaran <i>sedimen</i> yang ketara ke semua ESR sekitarnya;</p> <p>(iii) di antara tiga takat pelepasan, kepekatan tertinggi berlaku dalam Fasa 1 semasa monsoon NE; dan</p> <p>(iv) projek tidak akan menyumbang kepada mendapan di muara Sg Abdul.</p>	<p>(i) Penyediaan BMPs (<i>bund</i> penahan, tirai kelodak dua lapisan, kotak weir, <i>basinsedimen</i>);</p> <p>(ii) larangan pembuangan kumbahan yang tidak dirawat ke laut;</p> <p>(iii) perlindungan garis pantai kekal;</p> <p>(iv) pemantauan kualiti air laut; dan</p> <p>(v) pemantauan garis pantai.</p>
2.	Ekologi Laut	<p>(i) <i>Sedimenplume</i> dan kekeruhan menimbulkan risiko untuk mencederakan ikan;</p> <p>(ii) potensi pelepasan biogenik dan kimogenik akibat gangguan sedimen dasar laut;</p>	<p>(i) Semua langkah mitigasi yang ditetapkan untuk kawalan kualiti air laut harus dipatuhi;</p> <p>(ii) kapal yang terlibat dalam aktiviti Projek perlu mematuhi keperluan MARPOL; dan</p> <p>(iii) penggerak projek perlu bekerjasama dengan Kerajaan</p>

		<p>(iii) gangguan sedimen berpotensi melepaskan ion logam ke air; dan</p> <p>(iv) penghijrahan organisma mobil ke luar persekitaran.</p>	<p>Negeri dan agensi-agensi berkaitan untuk membuat perancangan pembangunan yang akan memberi manfaat kepada masyarakat dan menjaga alam sekitar.</p>
3.	Kualiti Udara	<p>(i) Potensi kesan kualiti udara dari kerja-kerja laut tidak signifikan;</p> <p>(ii) gas pembakaran dari jentera, peralatan, tongkang dan kapal laut; dan</p> <p>(iii) pelepasan di persisir pantai akan tersebar dengan cepat oleh angin laut.</p>	<p>(i) Pengawalan debu dengan betul; dan</p> <p>(ii) larangan pembakaran terbuka di tapak.</p>
4.	Bunyi bising	<p>(i) Kebisingan hasil dari peralatan kerja tanah akan berkurangan dan mencapai tahap kebisingan 65 dB (A) (keperluan bunyi waktu sehari untuk kediaman bandar) pada jarak kira-kira 125 m (scenario terburuk);</p> <p>(ii) reseptor terdekat kira-kira 200m; dan</p> <p>(iii) kesan daripada kebisingan dianggap tidak signifikan.</p>	<p>(i) Tetapkan jadual penyelenggaraan berkala untuk semua jentera dan peralatan bermotor;</p> <p>(ii) sediakan payar penghadang di sempadan kawasan kerja;</p> <p>(iii) penutup atau mitigasi akustik jenis lain untuk peralatan yang bising, melebihi 85 dB(A);</p> <p>(iv) papan tanda keselamatan hendaklah dipasang untuk memberitahu pekerja, kawasan yang mempunyai tahap kebisingan tinggi; dan</p> <p>(v) alat pelindung yang mencukupi untuk pekerja di</p>

			kawasan dengan tahap kebisingan tinggi.
5.	Pengurusan Sisa	<p>(i) Penjanaan sisa pembinaan, sampah domestik dan buangan terjadual;</p> <p>(ii) sisa yang dihasilkan oleh kapal laut dan tongkang akan dikendalikan oleh pemilik kapal atau kontraktor.</p>	<p>(i) Pembuangan sisa yang dihasilkan oleh kapal laut akan dikendalikan di kemudahan pelabuhan yang ditentukan, yang diberi kuasa untuk menerima sisa tersebut.</p> <p>(ii) buangan terjadual hendaklah diurus dan dikendali mengikut Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.</p>
6.	Sosial	<p>Masalah sosial yang dikenal pasti adalah:</p> <p>(i) Potensi kehilangan kawasan <i>mudflat</i> kerana aktiviti penambakan;</p> <p>(ii) kesan sosio ekonomi terhadap pendapatan pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung khususnya kepada nelayan;</p> <p>(iii) perubahan pengeluaran dari perusahaan kecil dan sederhana (PKS), terutamanya pemilik restoran, penjaja dan penduduk tempatan;</p> <p>(iv) perkhidmatan rekreasi: terutamanya aktiviti memancing di sepanjang pesisir pantai; dan</p>	<p>(i) Penglibatan berkala dengan masyarakat setempat untuk maklumat mengenai projek;</p> <p>(ii) penggerak projek perlu bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan agensi-agensi berkaitan untuk perancangan pembangunan yang akan memberi manfaat kepada masyarakat;</p> <p>(iii) penggerak projek perlu bekerjasama dengan kumpulan nelayan tempatan dan Jabatan Perikanan untuk meminimumkan kesan projek kepada masyarakat;</p> <p>(iv) penggerak projek perlu menubuhkan pasukan respons</p>

		(v) penyebaran lalu lintas darat dari tanah yang ditambak.	kerisauan masyarakat sebagai saluran untuk menerima sebarang komen, cadangan atau aduan mengenai Projek; dan (v) penggerak Projek akan melaksanakan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)
7.	Penutupan/ Penamatan	(i) Potensi kemerosotan estetik akibat struktur yang terbengkalai; (ii) pencemaran tanah, air dan udara dari bahan dan sisa berbahaya; (iii) pembiakan perosak dan vektor penyakit, seperti nyamuk, tikus dll; dan (iv) keselamatan pekerja dan orang awam akibat bahan atau struktur yang jatuh.	(i) Pemberitahuan kepada pihak berkuasa yang berkenaan; (ii) keluarkan jentera, peralatan dan bahan pembinaan; (iii) pengurusan sisa dengan sempurna; (iv) membersihkan kawasan kerja, terutamanya kawasan yang tercemar dengan bahan kimia atau minyak; (v) pemulihan (contohnya, penanaman semula kawasan terdedah); dan (vi) pemeriksaan sehingga tapak Projek stabil.